JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 Pulau Pinang

Tel : 604 - 255 5500 - 507 (8 Talian)
Faks : 604 - 255 5577
Email : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web :
https://penang.anm.gov.my

Ruj.Kami : ANM PG.500/6/ JLD.2 (27)
Tarikh : 26 Februari 2026

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN
NEGERI PULAU PINANG
KETUA-KETUA PUSAT PEMBAYAR GAJI

YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN BORANG E SECARA e-Filing KEPADA LHDN BAGI PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan setiap majikan (PTJ-eCaw) perlu untuk menghantar **Borang E** kepada Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN). Borang E hendaklah dihantar secara e-Filing dan penghantaran mula dibuka di website LHDN bermula **1 Mac 2026 hingga 31 Mac 2026. Oleh itu, semua PTJ dipohon untuk menghantar Borang E ini bagi mengelakkan penalti.**

3. Adalah diingatkan, semasa pengisian borang E secara e-filing, sila isi ruangan cara pengemukaan CP8D pilih **"Melalui e-Data Praisi / e-CP8D"** seperti paparan di bawah:

4. Sehubungan dengan itu, PTJ boleh merujuk perkara 2.1 di *User Manual* LHDN untuk cara penghantaran Borang E dan memastikan penghantaran Borang E berjaya dimuat naik data di aplikasi MyTax sehingga selesai *Download and Save Confirmation* Slip Pengesahan Penerimaan Data C.P.8D seperti di para 2.1.4.13.

5. Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAZIAH BINTI MUSA C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang